



SIARAN MEDIA

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

KUALA LUMPUR, 28 Oktober 2023 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Nai'm Bin Haji Mokhtar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada hari ini telah mempengerusikan secara bersama **Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** yang julung kalinya diadakan pada hari ini.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI). Jawatankuasa ini menggantikan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang ditubuhkan pada tahun 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2019.

Jawatankuasa HARMONI adalah platform penting bagi **meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama; membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman awam; dan mencadangkan dasar-dasar kepada Kerajaan berteraskan nilai agama.**

Jawatankuasa HARMONI dianggotai oleh 30 orang ahli yang terdiri daripada **wakil Kerajaan, pemimpin badan-badan keagamaan dan wakil-wakil pertubuhan** di Malaysia iaitu tiga orang wakil Kerajaan, sepuluh orang wakil

agama Islam, empat orang wakil agama Buddha, empat orang wakil agama Kristian, dua orang wakil agama Hindu, dua orang wakil agama Tao, seorang wakil agama Sikh, seorang wakil agama Baha'i dan seorang wakil dari Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) Sarawak.

Jawatankuasa HARMONI bermesyuarat sebanyak **dua kali setahun** atau mengikut keperluan. Terma rujukan Jawatankuasa HARMONI adalah –

- (a) memperkukuhkan iklim perhubungan yang baik dan mesra dalam kalangan pemimpin dan penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat-menghormati serta bekerjasama di semua peringkat;
- (b) menggalakkan semua penganut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan;
- (c) meningkatkan penghayatan semua penganut agama kepada nilai-nilai murni selaras dengan Prinsip Rukun Negara; dan
- (d) mencadangkan program dan aktiviti bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuhkan keharmonian negara.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan harapannya agar Jawatankuasa HARMONI dapat mencapai matlamat penubuhan sebagai tapak untuk **merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan bukan Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara** dan juga untuk melaksanakan program-program bagi memupuk persefahaman dan keharmonian antara ketua-ketua agama dan penganut agama bagi menyokong matlamat

membangun Malaysia MADANI melalui konsep **Perpaduan Dalam Kepelbagaian**.

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama pula menyatakan keyakinannya bahawa jawatankuasa harmoni ini merupakan **platform terbaik bagi semua pihak mengambil pendekatan yang bijak, tertib dan dengan semangat toleransi yang tinggi dalam berhadapan isu agama** dalam usaha memastikan keadaan sosial negara ini sentiasa berada dalam keadaan stabil demi perpaduan dan pada masa yang sama memastikan agama Islam sebagai agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan terus dipelihara.

Sekian.

Kementerian Perpaduan Negara

Dan

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

28 Oktober 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:-Unit Komunikasi Korporat

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569

E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()